

## Negara Berparlimen

Negara demokrasi dengan tiada parlimen, adalah suatu demokrasi yang palsu. Sebagaimana halnya sesuatu yang hidup memerlukan udara untuk disedut, begitulah juga demokrasi memerlukan adanya parlimen. Di situlah wakil-wakil rakyat membuktikan kedaulatan rakyat yang diwakilinya.

Dalam sejarahnya, parlimen Barat baharu berusia 700 tahun. Walaupun asal perkataannya berasal dari bahasa Perancis, dari perkataan “*parler*” yang bererti “perbincangan”, tetapi asal tumbuhnya parlimen bukanlah di negeri Perancis, melainkan di negeri Inggeris, dalam zaman raja “John Lakeland”, pada tahun 1213. Pada mulanya bernama “Great Council”, kemudian antara 1254 – 1266 baharulah terpakai nama “*Parliamentum*”. Majlis inilah yang telah berhasil dapat memaksa raja John menandatangani suatu piagam yang terkenal, iaitu piagam “Magna Carta” pada tahun 1215, yang di dalamnya raja mengakui hak-hak asasi rakyat yang sudah turun-temurun, terutamanya rakyat atasan dan rakyat merdeka.

Dari kedua-dua negara Inggeris dan Perancis yang terkenal sebagai Pendekar Parlimen itu, ternyata bukanlah semenjak dari mulanya majlis itu merupakan sebuah majlis perwakilan rakyat yang di dalamnya duduk wakil-wakil rakyat. Misalnya di negeri Perancis, nama parlimen mulai digunakan ialah untuk “Majlis

Hakim Tinggi” (semenjak kurun yang ke-14) yang berhak meneghad kekuasaan raja. Di samping parlimen ini didirikan “Dewan Perwakilan Rakyat” yang betul-betul mewakili<sup>1</sup> rakyat oleh kerana kedua-dua majlis ini masing-masing berebut kuasa, akhirnya dalam zaman pemberontakan Perancis (1790) terpaksa parlimen “Majlis Hakim Tinggi” dibubarkan dan tinggallah “Dewan Perwakilan Rakyat” berdiri terus.

Jika di negeri Perancis, parlimen menghadapi ajalnya, maka di negeri Inggeris perkataan itu semakin masyhur, dan semakin mendapat isi yang sebenar-benarnya.

Jika diperhatikan akan kelihatan perubahan-perubahan yang telah dilalui oleh faham berparlimen di dalam perkembangannya di negeri-negeri Barat, sehingga negeri Inggeris sendiri terpaksa melalui zaman yang tidak kurang dari 7 kurun lamanya (1213 sampai 1928).

Sebab itu salahlah orang kalau mengharapkan dari cara berparlimen yang dijalankan oleh Islam, semenjak lebih dari 13 kurun yang lampau, supaya mempunyai

<sup>1</sup> Kesalahan teks. Sepatutnya ‘mewakili’

gambaran yang lengkap. Kalau demokrasi Barat memakai nama “*Parliament*”, yang bererti menitik beratkan kepada soal berbincang dan perbincangan, maka Islam menamakannya “*Uli al-Amr*”, yang bererti mengambil berat tentang “wakil” dan “perwakilan”.

Selain daripada perkataan “*Uli al-Amr*” yang rasmi dipakai dalam Qur’ ān, yang menggambarkan soal perwakilan itu, ada juga digunakan perkataan “*Ahl al-Hilli wa al-‘Aqd*” (menurut istilah al-Nisābūrī dan Muhammad Abduh), yang menggambarkan “hak-hak suci” dari perwakilan, iaitu kekuasaan memutus (menghurai dan mengikat), dan ada lagi dipakai “*Ahlu al-Ijmā’*” (menurut istilah Fakhr al-Dīn al-Rāzī) yang bererti “orang-orang yang mempunyai hak kebulatan suara (kebulatan suaranya dapat mengikat seluruh negara dan wajib ditaati oleh segala lapisan rakyat).

Jika ketiga-tiga nama itu kita kumpulkan menjadi satu, kita memperoleh suatu gambaran yang agak lengkap dari sebuah parlimen yang sempurna. Anggota-anggotanya dengan sebenar-benarnya bersifat perwakilan rakyat (*Uli al-Amr*), majlisnya mempunyai hak-hak yang suci, yang tidak boleh diganggu (*Ahlu al-Hilli wa al-‘Aqd*), dan kebulatan suaranya dapat mengikat seluruh negara (*Ahlu al-Ijmā’*). Ketiga-tiganya ialah sifat dan isi dari majlis perwakilan rakyat, yang sebenar-benarnya.

Masih banyak bukti-bukti sejarah yang menunjukkan amalan berparlimen yang menarik hati dari umat Islam dahulu (zaman Nabi dan sahabat-sahabatnya), walaupun dengan tidak begitu lengkap. Dalam pada itu ada beberapa soal yang seyogianya diberi jawabnya, sebagaimana yang kita sajikan di bawah ini:

Pertama: Bagaimanakah peraturan pemilihan wakil-wakil rakyat yang menjadi *Uli al-Amr*?

Islam tidak menetapkan suatu peraturan yang tertentu bagi pemilihan, dan belum pula ada dalam amalan dilakukan peraturan yang teratur. Tetapi, kalau orang mahu memakai pemandangannya yang sihat, bahawa kalau parlimen Inggeris sesudah berjalan lebih dari 700 tahun baharulah mempunyai peraturan pemilihan yang teratur, dan baharulah pada tahun 1928 mempunyai undang-undang pemilihan yang lengkap, maka janganlah orang mengharap bahawa dalam masa 30 tahun pemerintahan khalifah-khalifah (yang empat – P.) dahulu, akan dijumpai amalan berparlimen yang teratur, apalagi mempunyai undang-undang pemilihan yang lengkap.

Islam sebagai suatu agama, hanya memberikan dasar bagi suatu pemerintahan berparlimen, iaitu adanya *Uli al-Amr*. Bagaimanakah mengadakannya, susunannya, cara pilihannya, dan sebagainya, sampai kepada soal-soal kecil satu persatu, adalah menjadi kewajipan umat Islam sendiri. Kalau sampai hari ini umat Islam belum mempunyai undang-undang *Uli al-Amr* yang lengkap, maka itu bukanlah kerana kekurangan ajaran Islam, tetapi tanggungjawab terpikul atas kaum Muslimin sendiri yang lalai akan perintah agamanya.

Kedua: Bagaimanakah cara bekerja *Uli al-Amr* dalam memutuskan sesuatu soal?

Jawab pertanyaan yang kedua ini, sudah diperoleh dari ajaran Islam dan telah diamalkan oleh khalifah-khalifah dahulu. Cara itu ada dua tingkatannya:

1. Riwayat, jika di dalam soal itu sudah ada terlebih

Dahulu hukum atau undang-undang negara yang sudah tetap.  
2. *Istishāriyyah*, iaitu bermesyuarat dan berunding, jika memang belum ada hukum atau undang-undang yang mendahuluinya.

Menurut riwayat al-Dārimī dan al-Bayhaqī dari Maymūn ibn Mahrān, bahawa khalifah yang pertama – Abū Bakr al-Ṣiddīq, *raḍiya Allāhu ‘anh*, kalau menghadapi sesuatu perkara, pertama kali ia mencari hukumnya di dalam Qur’ān, sesudah itu di dalam hadis. Ia mengumpulkan anggota-anggota majlis sahabat yang menjadi Ūlī al-Amr, lalu bertanya hukum Qur’ān atau Ḥadīth tentang soal itu. Jikalau sudah ada hukum dari keduanya, maka dijatuhkanlah keputusan menurut hukum itu, sambil ia berkata dengan sukacitanya: “Segala puji bagi Allah, yang telah menjadikan orang-orang dikalangan kita yang masih mengingat dan menghafaz akan hukum yang disabdakan (atau sudah dijalankan) oleh Nabi kita.” Tetapi jika tidak seorang pun yang dapat mengetahui hukum dari Qur’ān dan Ḥadīth dalam perkara itu, maka keputusan adalah menurut suara mesyuarat daripada mereka.

Nyata bahawa dengan (berdasarkan) riwayat, negara Islam memegang teguh dengan hukum Allah *‘azza wa jalla* (Qur’ān dan Ḥadīth) dan segala undang-undang serta perintah negara yang sudah ada, dan dengan “*Istishāriyyah*”, negara menjunjung tinggi keputusan mesyuarat dari anggota-anggota parlimen itu.

Ketiga: Bagaimana caranya mengambil keputusan?

Menurut umumnya yang terpakai di dunia sekarang, ialah dengan melakukan pemungutan suara, dan keputusan

menurut suara yang terbanyak. Dalam sejarah Islam, sudah pernah terjadi dua macam cara yang terpakai, iaitu menurut suara yang terbanyak, dan ada pula diserahkan kepada kebijaksanaan kepala negara. Hal itu terjadi dalam persidangan Ūlī al-Amr yang dipimpin oleh Nabī sendiri tentang suatu perkara yang sama di dalam waktu yang berlain-lain. Soalnya ialah sikap terhadap tawanan-tawanan perang. Dalam persidangan darurat sehabis perang Badar (tahun 2H. – 623M.), keputusan diambil menurut suara yang terbanyak. Sedang dalam persidangan yang serupa itu juga sesudah selesai perang Uḥud (3H. – 624M.), keputusan diserahkan kepada kebijaksanaan kepala negara iaitu Nabī sendiri.

Keempat: Bagaimana soal parti-parti dalam negara Islam?

Agama Islam sudah mengetahui bahawa pembawaan peraturan berparlimen ialah tumbuhnya berbagai aliran di dalam negara. Pada masa Islam menanamkan asas Ūlī al-Amr sebagaimana yang dinyatakan di dalam Qur’ān, ketika itu sudah ditegaskan bahawa akan terjadilah perselisihan faham dan perbezaan perdirian<sup>2</sup> di antara Ūlī al-Amr itu. Sebab itu, walaupun dalam Qur’ān dan Ḥadīth dilarang sekeras-kerasnya supaya jangan terjadi perpecahan (*tanāza‘u*) dikalangan kaum Muslimin, maka di dalam hal Ūlī al-Amr ini, “*tanāza‘u*” itu dipandang sebagai suatu perkara yang dibolehkan.

Dalam Qur’ān, Allah Ta‘ālā melarang keras akan perpecahan:

“Dan janganlah kamu berpecah-belah (*tanāza‘u*), tentu kamu lemah dan hilang kekuatan kamu”, maka dalam ayat

<sup>2</sup> Kesalahan teks. Sepatutnya petunjuk.

Uli al-Amr ini Tuhan membukakan pintu perselisihan itu. Disambung pula dengan suatu hadis yang bermaksud: “Perselisihan faham antara (wakil-wakil) umatku, adalah menjadi rahmat.” Sebab itu, kesatuan negara berdiri di atas segala perbezaan faham dan mengatasi segala macam fikiran dan pendapat. Bagi negara Islam, lebih baik mempunyai wakil-wakil rakyat yang mempunyai faham dan perdirian berbagai macam tetapi tetap menjunjung negara yang satu, daripada mempunyai rakyat yang pada zahirnya bersatu, nampaknya mempunyai satu faham dan perdirian (barangkali kerana ugutan atau pujukan), sedang batin dan hatinya bermusuhan satu sama lain. “*Tahsabuhum jami’an wa qulubuhum shatta’an*” (Kamu sangka mereka bersatu padu, tetapi hati mereka berpecah belah).

Ada dua cara dipakai oleh negara-negara demokrasi sekarang tentang soal berparti ini:

1. Cara dua parti, seperti di Amerika dan negeri Inggeris.

2. Cara banyak parti seperti di negeri Perancis dan lain-lainnya.

Mengenai soal ini, Islam tidak mahu mencampurinya, kerana hal itu terserah kepada tiap-tiap negara Islam untuk memilih akan cara mana yang dipandang baik untuk rakyatnya.

Kelima: Bolehkah pemeluk-pemeluk agama lain menjadi Uli al-Amr?

Walaupun soal ini bukanlah soal yang dipandang ganjil di dalam Islam, tetapi selalu dibesar-besarkan oleh

golongan yang anti-Islam untuk membangkitkan rasa kebencian terhadap negara Islam. Kebebasan beragama di dalam Islam dan pengakuan-pengakuan hak-hak suci dari tiap-tiap warganegara dengan tidak membeza-bezakan agamanya (baik Islam, mahupun Kristian, Yahudi atau lainnya), memberi jaminan yang sepuh-penuhnya, bahawa masing-masing orang dari warganegara berhak memilih wakilnya, tidak menjadi hal walau apa jua agamanya.

Sebagai suatu umat yang berjiwa besar, umat Islam tidaklah merasa sempit dadanya untuk memberikan kerusi perwakilan kepada orang yang setanah air atau senegara dengan dia, yang beragama lain, untuk turut duduk bermesyuarat merundingkan nasib negara yang dijunjung bersama-sama, di dalam majlis persidangan Uli al-Amr (parlimen).

Kemenangan yang sejati bukanlah terletak di dalam hati yang taksub (fanatik), faham fanatik yang sangat sempit, di mana orang takut menghadapi cahaya kebenaran. Kemenangan itu ialah milik orang yang berhati *tasāmuḥ* (bertolak ansur – P.), dada lapang dan jiwa besar yang sanggup memimpin kebenaran dan menerimanya, walau dari pihak mana juapun. Sebab itu, pemimpin-pemimpin Islam, sebagai wakil rakyat, tidaklah keberatan duduk bersama-sama dengan pemimpin-pemimpin yang beragama lain, di dalam suatu dewan perwakilan atau Uli al-Amr itu.

Keenam: Apakah perbezaan “Uli al-Amr” dengan “Parlimen” sekarang?

Walaupun di dalam segala keterangan di atas selalu kita mengambil contoh dan bandingan kepada parlimen-parlimen,

tetapi tidaklah menunjukkan bahawa peraturan *Ūlī al-Amr* dengan parlimen selamanya bersamaan. Banyak juga terdapat perbezaannya, dan dalam perbezaan itu kita memperoleh keutamaan dan keluasan ajaran Islam.

Al-Sayyid Muḥammad Rashīd Riḍā mencuba menyusun persamaan dan perbezaan antara kedua peraturan (aturan *Ūlī al-Amr* dan parlimen – P.) itu:

1. Punca segala undang-undang dan peraturan di dalam negara yang berparlimen ialah rakyat. Islam berperdirian demikian juga, bahkan lebih tepat lagi. Terbukti dari kerana dia memakai istilah “*Ūlī al-Amr*” yang bererti wakil-wakil rakyat. Tetapi ada keutamaan di pihak Islam, bahawa di atas rakyat, ditetapkan pedoman hukum dan pokok peraturan, ialah hukum Allah dan Rasul yang dinamakan hukum abadi. Hukum ini tidaklah berapa banyak, sehingga sifatnya bukanlah mengehend atau mengurangi kekuasaan yang tertinggi di tangan wakil-wakil rakyat, tetapi memberi pedoman yang tegas dan pemimpin yang abadi (kekal).
2. Mesti ada segolongan wakil-wakil yang dipilih oleh rakyat untuk menjalankan haknya yang tertinggi itu, iaitu anggota-anggota parlimen. Islam berperdirian demikian juga, dan kitab suci *al-Qur’an al-Karim* menamakannya “*Ūlī al-Amr*”.
3. Wakil-wakil itu hendaklah dengan pilihan rakyat, dan cara pemilihan ada bermacam-macam. Islam berperdirian demikian juga, *Ūlī al-Amr*

hendaklah dipilih oleh rakyat dengan segala cara pemilihan yang dipandang baik oleh tiap-tiap negara. *Al-Qur’an* sengaja tidak mengaturnya, supaya jangan mengikat *Ūlī al-Amr* di dalam bentuk dan cara yang tertentu di dalam sejarah perkembangannya.

4. Apabila mereka sepakat dalam satu keputusan, maka keputusannya mengikat negara, dan rakyat mestilah tunduk kepadanya. Parlimen berhak memberhentikan pemerintah yang tidak mengikut keputusannya. Islam berperdirian begitu juga, dan bagi Islam keputusan itu dinamakan “*Ijmā’*”. Di bawah hukum abadi daripada Allah dan Rasul, ada pula satu undang-undang yang mesti ditaati oleh negara dan rakyat, iaitu keputusan *Ūlī al-Amr*. *Ijmā’* ialah salah satu dari pokok-pokok hukum dalam agama Islam.
5. Apabila wakil-wakil itu berselisih faham, keputusan hendaklah diambil menurut suara terbanyak. Kita berpendirian bahawa tidak ada salahnya cara suara terbanyak itu dipakai sebagaimana Nabi kita sendiri pernah memakainya. Tetapi kerana suara terbanyak itu bukanlah suatu kebenaran yang tepat, maka agama kita membuka pintu yang lebih luas untuk menjamin supaya suara yang kalah janganlah tertekan, iaitu diserahkan kepada suatu badan yang dapat memberi bandingan yang lebih adil. Menurut Sheikh Muḥammad Abduh, ada dua pendapat ahli tafsir

Sambungannya pada muka 28

kepercayaan mereka samar-samar terhadap Tuhan, juga yang langsung tidak percayakan Tuhan itu, telah nyatalah bahawa mereka tidak kenal dan tidak pula mau mengenal kepada Tuhannya yang menjadikan mereka serta memberikan beberapa rahmat dan nikmat kepada mereka. Mereka tidak kenal maka tak cinta – tak cinta sebab tak tahu.

“Agama yang diakui Allah hanyalah Islam.....”

Kenapakah maka mereka menyingkirkan Islam dan ideologinya?! ....., tetapi memperjuangkan bersungguh-sungguh ideologi-ideologi yang lain dari Islam iaitu ideologi-ideologi yang fasik, yang zalim dan yang kafir.... .., apakah ini yang menjamin untuk kebahagiaan dan kesejahteraan di dunia dan di akhirat?!

“Islam itu tinggi, tidak ada yang lebih tinggi daripadanya”, kerana Islam dan ideologinya ialah ciptaan Allah *subhānahu wa ta’ālā* serta pula direndai oleh-Nya.

### **Sejarah Beliung**

Kita umat bangsa Melayu di Tanah Melayu ini, sudah sepatutnya menyedari dan menginsafi dengan sepenuhnya akan hal-hal peristiwa yang telah berlaku dan yang akan berlaku terhadap kita sendiri. Kita adalah suatu bangsa yang telah pernah agung, berdaulat, bernegara dan beragama dan dihormati oleh dunia seluruhnya, tetapi keagungan kita telah roboh, dirobohkan oleh penjajah dan pembelot-pembelot yang suka menjadi perkakasnya. Orang-orang yang seperti ini sangat berbahaya sekali, mereka laksana, “kuman dalam darah” di badan. Pihak penjajah

itu pula, bukannya hanya ingin menjajah sahaja, tetapi juga ingin menghancurkan leburkan kebudayaan bangsa, bahasa, semangat, jalan fikiran, pelajaran, adat resam dan juga agama kita itu. Mereka cukup sedar dan cukup pakar dalam soal yang demikian ini. Oleh itu, kita patut mengingati akan sejarahnya beliung iaitu dimisalkan bahawa umat bangsa Melayu di tanah air kita ini: “Laksana kayu-kayuan yang berada di rimba raya yang indah permai, riwayatnya akan ditamatkan oleh “beliung” yang berulukan kayu juga!....”

Awas! – sekian, merdeka!

---

### **Negara Islam**

Sambungan dari muka 23

dalam hal ini: Satu berpendapat bahawa soal yang dipertengkarkan itu hendaklah diserahkan kepada suatu badan dalam kalangan Ūlī al-Amr juga, yang kedudukannya lebih tinggi. Ada pula pendapat lain, iaitu rakyat hendaklah mendirikan suatu badan lain di luar Ūlī al-Amr (Parlimen), untuk membanding dan mengambil keputusan yang lebih tinggi.

Demikian huraian al-Sayyid Rashid Ridha, tentang persamaan dan keutamaan “Ūlī al-Amr” daripada “Parlimen”.

**(Dari buah kalam al-Ustaz Zainal Abidin Ahmad)**